BAB DUA

DEFINISI, PERSPEKTIF SEJARAH DAN TEORI-TEORI PENTERJEMAHAN

BAB DUA

DEFINISI, PERSPEKTIF SEJARAH

DAN TEORI-TEORI PENTERJEMAHAN.

2.1. DEFINISI TERJEMAHAN.

Ahli linguistik telah mengemukakan pelbagai definisi terjemahan yang berbeza di antara satu sama lain. Perbezaan yang terdapat pada definisi mereka itu mungkin disebabkan terdapat berbagai jenis bahan yang diterjemahkan, motif bahan-bahan itu diterbitkan dan juga berbagai keperluan para pembaca. Nida (1964. 20) mentakrifkan terjemahan sebagai :

> " ..... *pengeluaran mesej yang sama sebagai satu proses bukan hanya pemadanan bahagi-an-bahagian ujaran, tetapi juga merupakan pengeluaran semula aspek-aspek dinamis komunikasi yang menyeluruh* ".

Daripada definisi terjemahan yang dikemukakan oleh Nida, kita dapati bahawa penterjemahan bukan hanya setakat melakukan proses pemadanan bahagian-bahagian atau juzuk-juzuk ujaran atau ayat, tetapi ia juga merupakan pengeluaran semula maklumat yang hendak disampaikan ungkapan semulajadi ke dalam bahasa sasaran.

" satu proses atau keputusan menukarkan maklumat daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain.....tujuannya ialah untuk menghasilkan semua ciri-ciri asal gramatikal dan leksikal " bahasa sumber " setepat-tepatnya dengan cara mencari persamaan-pesamaan yang terdapat dalam " bahasa sasaran "

Dari perbincangan di atas, dapat difahami bahawa penterjemahan mempunyai konsep-konsep asas iaitu :

(a). Bahasa sumber bermaksud bahasa yang ditulis dalam teks asal. Bahasa sumber juga dikenali sebagai bahasa penutur (lisan) atau bahasa penulis (jika dalam bentuk tulisan).

(b). Bahasa sasaran, bererti bahasa penerima sama ada pendengar atau pembaca.

(c). Interpretasi, ialah perkara yang berlaku sebelum penterjemahan dibuat sama ada proses memahami teks asal.

Daripada definisi-definisi yang diberikan oleh sarjana-sarjana di atas, kebanyakan daripada mereka menekankan bahawa padanan harus wujud di antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Namun menurut Ainon Muhammad, untuk mencari satu persamaan antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran secara mutlak adalah tidak mungkin. Ini memandangkan tidak ada dua bahasa yang menyamai antara satu sama lain, samada pada makna antara dua perkataan

yang dianggap serupa atau pada cara perkataan-perkataan dalam bahasa itu disusun mengikut peraturan nahunya.

Justeru itu dapat ditegaskan bahawa penterjemahan bukanlah satu tugas yang senang. Penterjemahan merupakan satu usaha yang memerlukan kesabaran dan ketekunan seseorang penterjemah. Ini adalah bersesuaian dengan pendapat yang dikemukakan oleh Marilyn (1981) yang menyatakan :

> *" Translation is primarily a time bound process and when it is of literature a time art ; yet the space it requires cannot be discounted "*

Jadi, kerja penterjemahan lebih sukar daripada menulis sesebuah buku, kerana apabila seseorang itu menulis sebuah buku, dia bebas memilih mana-mana perkataan-perkataan yang dia suka, tetapi apabila menterjemahkan sesebuah buku, penterjemah tidak bebas menggunakan perkataan dan stail secara sesuka hatinya, kerana terikat dengan teks bahasa sumber yang hendak diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran.

2.2. PENTERJEMAHAN DAN INTERPRETASI.

Sebenarnya unsur-unsur interpretasi termasuk di dalam terjemahan. Hal ini berlaku, kerana sebelum menyampaikan apa-apa yang ditulis, kita perlu

memahami teks itu terlebih dahulu. Dalam proses memahami inilah berlakunya interpretasi. Tetapi interpretasi dalam penterjemahan tidak sama dengan interpretasi dalam persidangan. Ini kerana interpretasi dalam penterjemahan ialah pemahaman daripada mesej yang didengar atau dibaca. Sekiranya mesej tidak terang, pendengar akan mengemukakan " pengalaman " (background knowledge) untuk memahami mesej tersebut. Apabila mengguna atau mengaitkan mesej tersebut dengan "pengalaman" bermakna kita sedang menginterpretasi mesej tersebut.

Oleh itu semasa membaca atau mendengar, kadang-kadang kita terpaksa membuat tafsiran (interpretasi) untuk membolehkan kita memahami bahan yang dibaca atau didengar itu. Pengalaman atau pengetahuan yang ada tentang bahasa, budaya atau bidang digunakan untuk membuat tafsiran. Interpretasi juga adalah satu proses penterjemahan tetapi berlaku secara lisan, contohnya di mahkamah, mesyuarat, persidangan dan seminar.

Oleh itu penterjemahan dan interpretasi mempunyai sedikit perbezaan diantaranya ; penterjemahan adalah proses mengalihkan maklumat dari bahasa sumber ke bahasa sasaran. Kegiatan penterjemahan juga berlaku secara bertulis. Seterusnya dalam kerja penterjemahan memungkinkan berlakunya proses pemindahan teknologi.

Sedangkan di antara ciri-ciri interpretasi pula adalah proses memahami teks asal sebelum penterjemahan dibuat. Segala pengalaman (background knowledge) digunakan untuk memahami teks. Interpretasi juga adalah kegiatan penterjemahan secara lisan yang mana ia berlaku di mahkamah, seminar dan mesyuarat.

2.3. SEJARAH PENTERJEMAHAN

2.3.1. Zaman Permulaan Terjemahan.

Penterjemahan merupakan satu pekerjaan sejak kira-kira lima ribu tahun lalu semasa Empayar Assyria di bawah pemerintahan Maharaja Sargon. Tradisi ini disambut pula oleh Empayar Babylon dibawah pemerintahan Raja Hammurabi kira-kira 2,100 S.M. Dalam tahun 1396 S.M. semasa pemerintahan Ptolemy tulisan Mesir Hieroglyphics berbentuk tulisan, gambar haiwan dan tumbuhan.

Walau bagaimanapun, terjemahan zaman silam yang paling terkenal ialah terjemahan yang tersurat pada batu Rosetta yang dikatakan ditulis pada kira-kira tahun 196 sebelum masihi dan telah ditemui di Mesir oleh seorang askar Perancis yang bernama Bouchard pada tahun 1799. Kemudian ia dikaji oleh Champollion yang membolehkan beliau memahami bahasa Hieroglyphics yang pada masa itu belum diketahui. Rosetta itu merupakan salah satu karya

dalam tiga bahasa di dunia iaitu bahasa Hieroglyphics, demotic dan Yunani. Daripada skrol belulang yang ditemui juga, didapati bahawa kira-kira dalam tahun 397 S.M., kitab Taurat diterjemahkan buat pertama kalinya untuk orang Yahudi yang kembali dari tawanan di Mesopotamia, kerana mereka ini sudah tidak lagi memahami bahasa Hebrew yang digunakan dalam kitab Taurat.

Dua orang tokoh penterjemah yang terkenal dalam abad ke empat selepas masihi ialah St. Je'rome dan St. Augustine. Bagi St. Je'rome, terjemahan sebaiknya tidak dibuat berdasarkan perkataan demi perkataan tetapi berdasarkan makna teks asal. Seterusnya beliau berpendapat bahawa penterjemah perlu mengelak dari menyamakan teks asal dan teks sasaran dari segi perkataan. Mesej sesuatu teks bergantung juga kepada gaya teks itu. Oleh itu bagi St. Je'rome gaya teks asal perlu diambil kira dalam terjemahan.

Manakala St. Augustine pula berpendapat bahawa terjemahan atau teks sasaran akan terjejas mutunya jika penterjemah cuba meniru gaya teks asal dalam teks sasaran sebab teks sasaran akan kehilangan ciri-ciri asliannya sebab teks sasaran ditulis mengikut ciri teks asal.

Di zaman pemerintahan Raja Hammurabi, baginda pernah memerintahkan jurutulis atau penterjemah diraja supaya menyediakan titah perintahnya untuk dihantar kepada "setiap amir dan raja, wizurai dan ketua segala negeri dari

India hingga ke Ethiopia yang kesemuanya terdiri daripada seratus dua puluh tiga wilayah. Setiap wilayah dihantarkan dalam tulisannya sendiri dan setiap bangsa dalam bahasanya sendiri". Perintah ini merupakan suatu bukti yang nyata tentang tradisi penterjemahan yang berdasarkan prasasti tulisan pepaku yang dijumpai di Lembah Mesopotamia dan masih tersimpan dengan baik hingga ke hari ini. Berdasarkan bukti ini, didapati latihan terjemahan pada ketika itu tertumpu di kalangan istana yang dikenal sebagai jurutulis istana.

Umumnya, kegiatan penterjemahan di zaman ini tertumpu kepada penterjemahan kitab-kitab agama Yahudi dan Kristian. Aktiviti terjemahan juga diamalkan oleh segolongan kecil masyarakat yang terdiri daripada bangsawan dan mubaligh kerana mereka berpeluang mendapat pendidikan serta tahu membaca dan menulis. Di Eropah dan tempat lain pada zaman dahulu, rakyat biasa tidak berpeluang mendapat pelajaran.. Oleh itu terjemahan merupakan kegiatan masa lapang dan kegiatan sosial tinggi.

2.3.2. **Zaman Kebangkitan Terjemahan.**

Sebenarnya keagungan dan kecemerlangan tradisi penterjemahan dapat dikatakan mencapai kemuncaknya pada abad kesembilan dan kesepuluh masihi. Misalnya kota Baghdad di bawah pemerintahan Abbasiah menjadi

pusat penterjemahan yang terkemuka dan sekaligus menjadi pusat ilmu dunia. Memang aktiviti penterjemahan telah dibuat sebelum khalifah Abbasiah itu, misalnya pada zaman Umaiyah (T.M. 661 - 750) tetapi jumlahnya agak terhad.

Di zaman pemerintahan kerajaan Bani Abbasiah, khususnya semasa Khalifah Al-Makmun, baginda tertarik dengan tulisan-tulisan Yunani. Baginda menubuhkan " Bait al-Hikmah" iaitu "Rumah Hikmat" dengan satu jabatan penterjemahan. Dalam " Bait al-Hikmat " itu dua orang penterjemah memainkan peranan penting dalam penterjemahan daripada bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab, iaitu Hunayn Ibn Ishaq dan Thabit Ibn Qurrah.

Fungsi jabatan penterjemahan yang ditubuhkan pada masa itu bukan sahaja menterjemahkan karya-karya Yunani tetapi juga melatih bakal-bakal penterjemah.. Pada masa itu kesulitan utama yang dialami oleh para penterjemah ialah kelemahan bahasa Arab daripada segi peristilahan.

Segala buku klasik Yunani diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, khususnya buku dalam bidang falsafah, kesusasteraan, astronomi, perubatan, ketenteraan dan lain-lain lagi. Kononnya para penterjemah hidup senang-lenang seperti anak-anak raja kerana mereka disanjung tinggi. Tambahan pula, khalifah-khalifah Abbasiah membayar kepada mereka dengan emas ketul yang ditimbang sama

berat dengan bahan-bahan dari bahasa Yunani yang mereka terjemahkan ke dalam bahasa Arab.

Pada masa itulah orang-oarang Islam dapat melebarkan peta sempadan empayar hingga mereka menjadi empayar yang paling luas pernah dibentuk dalam sejarah politik manusia hingga saat ini. Kerja-kerja penterjemahan yang dibuat di Baghdad itu membolehkan bangsa Arab mengetahui tamadun ilmu bangsa Yunani. Karya-karya terjemahan mereka telah menyelamatkan ilmu-ilmu Yunani dari pupus dan dapat diwarisi oleh seluruh dunia pada hari ini. Melalui karya-karya terjemahan itu ahli-ahli falsafah dan ahli-ahli sains Arab telah dapat mengembangkan ilmu-ilmu Yunani. Dengan berbuat demikian mereka berjaya menjadi bangsa terbesar pada waktu itu.

Mengikut sejarahnya, dunia Arab-Islam telah mencapai tamadun yang begitu tinggi sedangkan pada waktu yang sama seluruh Eropah masih tidur dalam kebekuan Zaman Pertengahan selama 2000 tahun.

Menjelang abad kedua belas masihi, pusat ilmu dan penterjemahan berpindah pula ke Toledo, Sepanyol. Di pusat ini, segala buku klasik Yunani dalam bahasa Arab diterjemahkan ke bahasa Latin dan disebarkan ke seluruh Eropah.

Eropah hanya terjaga daripada tidurnya apabila tentera Islam telah sampai di

depan tangga Eropah, iaitu Sepanyol dan hanya dapat disekat sewaktu mereka hendak menakluki Perancis. Dengan itu meletuslah Perang Salib "The Crusades" antara Charlemegne dengan Sultan Salahuddin al-Ayyubi. Bermula dari sini ia menjadi titik tolak kemerosotan sejarah Arab-Islam dan bermulanya tamadun barat.

Selepas tentera Eropah dapat menewaskan tentera Islam di bawah pimpinan Sultan Salahuddin pada tahun 732 M di Poitiers, mereka telah membawa pulang beribu-ribu naskah buku Arab-Islam ke Eropah dan di sanalah buku-buku itu diterjemahkan ke dalam bahasa Latin. Dari situlah mereka berjaya mengasaskan gerakan Pembaharuan atau Reinaisance yang bermula pada abad ke 16. Setelah peristiwa penterjemahan itu barulah Eropah berjaya mengalahkan bangsa Arab dalam dunia ilmu, politik, ekonomi dan ketenteraan hingga ke hari ini.

Mengikut fakta sejarah, bahasa Arab mengalami dua zaman kegemilangannya. Selain dari yang diutarakan di atas, zaman penterjemahan juga berlaku pada abad ke 19 di Mesir. Mesir pada masa itu tertarik dengan kebudayaan serta sastera barat. Di Mesir penterjemahan tidak dibuat lagi daripada bahasa Yunani tetapi daripada beberapa bahasa Eropah seperti bahasa Perancis, Inggeris dan sebagainya. Pelopor zaman penterjemahan itu ialah Muhammad Ali (1769-1849). Di antara penterjemah-penterjemah yang mahir pada masa itu termasuklah Al-Tahtawi.

Abad ke enam belas merupakan zaman Reinaisance di Eropah. Pada masa ini, Eropah dibanjiri oleh beberapa banyak buku karya asal dan terjemahan. Buku klasik Yunani dalam bahasa Arab dan Latin diterjemahkan ke dalam berbagai-bagai bahasa Eropah. Begitu juga halnya dengan kitab Injil. Perkembangan terjemahan dipengaruhi perkembangan kesusasteraan. Dengan adanya bahan percetakan, banyak bahan bacaan dapat dihasilkan dan rakyat mula mengenali huruf, lalu karya terjemahan semakin bertambah dan akhirnya tersebar segala ilmu pengetahuan. Dengan bertambahnya bahan penulisan, timbul berbagai isu dan perbincangan mengenai prinsip dan kaedah terjemahan. Isu-isu ini diperlihatkan dalam terjemahan yang dihasilkan contohnya Cicero, Etienne Dolet, Erasmus, Marthim Luther dan lain-lain iaitu orang yang mula-mula mengemukakan teori terjemahan di Eropah pada zaman itu. Pada zaman inilah hingga sekarang berlaku suatu polemik yang hebat di antara penterjemah dengan penterjemah dan di antara penterjemah dengan pengarang dan ahli agama.

2.3.3. **Terjemahan di Malaysia**

Tarikh sebenar bermulanya penterjemahan di Malaysia tidak diketahui kerana tiada dokumen bertulis tentang terjemahan pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka dan tahun-tahun sebelumnya. Dokumen yang ada hanyalah penterjemahan yang dibuat setelah kedatangan Inggeris kira-kira

tahun 1800. Ketiadaan dokumen ini kerana orang Melayu di zaman dahulu tidak menyimpan apa-apa bahan bertulis atau apa-apa dokumen sebagai bukti sejarah seperti bangsa-bangsa Eropah, India dan Cina.

Namun menurut Asmah Haji Omar bahawa terjemahan ke bahasa Melayu telah berlaku dari zaman Hindu apabila beberapa teks Hindu seperti Ramayana dan Mahabarata telah di "rendered a Malay Version". Beliau menyatakan bahawa :

> *Pencerita (pencerita-pencerita) yang mula-mula memberikan penafsiran kepada epik tersebut telah menggunakan prinsip-prinsip penterjemahan tertentu pada bahagian-bahagian daripada epik itu atau mungkin kesemuanya. Seberapa boleh bahasa budaya diterjemahkan ; jika tidak, dipindahkan keseluruhannya secara adaptasi ke bahasa Melayu. Ada banyak contoh kata-kata pinjaman daripada sanskerta dalam bahasa Melayu. Ini membuktikan bahawa pembaharuan kepada bermacam-macam sistem dalam bahasa itu (dengan pengenalan ciri-ciri fonologi baru) diperingkat fonologis, gramatis dan leksikal.*
>
> *Terjemahan yang sebenarnya bermula dengan penterjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Sejarah penterjemahan bahasa Melayu daripada teks Arab bermula dengan terjemahan ayat suci al-Quran, khususnya yang dibaca dalam sembahyang. Ini mungkin diikuti pula dengan terjemahan doa. Ayat suci yang diterjemahkan ke bahasa Melayu tidak mempunyai variasi.*
>
> *Ketiadaan variasi ini juga terdapat dengan banyaknya di dalam doa. Semua ini menguatkan kenyataan bahawa oleh sebab ayat suci al-Quran tidak langsung mempunyai variasi, maka begitu*

juga yang terjadi dengan terjemahannya.

> *Oleh yang demikian, unsur-unsur, sistem-sistem dan struktur-struktur bahasa Arab telah dimasukkan ke dalam bahasa Melayu tanpa mendapat sebarang komentar daripada masyarakat Islam berbahasa Melayu. Andainya ahli-ahli bahasa sekarang membahaskan kemasukan tersebut sebagai " gangguan " atau "pencemaran ", mereka akan dianggap sebagai penentang agama. Hingga sekarang, apabila ahli-ahli dan pengguna-pengguna bahasa memperkatakan tentang pencemaran bahasa Melayu oleh bahasa-bahasa lain, mereka menjauhkan daripada memberikan misal-misal daripada bahasa Arab.*

Antara lain beliau membincangkan penggunaan dengan, pada, bagi, akan, bahawasanya dan lain-lain yang telah diperkenalkan ke dalam bahasa Melayu melalui penterjemahan daripada bahasa Arab.

Tanah Melayu menjadi tumpuan padagang asing untuk berniaga. Kehadiran mereka membuktikan dengan penemuan batu bersurat dalam bahasa Arab di Kuala Berang bertarikh 1303 M. Dengan kedatangan orang asing ke Tanah Melayu, dapat dikatakan anggapan bahawa terjemahan berlaku sama ada secara bertulis atau lisan. Sejarah ada mencatatkan kedatangan utusan China dan penghantaran utusan Melayu ke China pada zaman kerajaan Melayu Melaka. Perhubungan ini menunjukkan terjemahan bertulis atau lisan mungkin berlaku.

Kedatangan orang-orang Arab, China, Belanda dan Inggeris yang masing-

masing tidak pandai bertutur dalam bahasa Melayu, mungkin utusan berkenaan menggunakan perkhidmatan jurubahasa. Antara penterjemah yang terkenal ialah Abdullah Munsyi yang tahu berbahasa Arab, Melayu dan Inggeris. Di antara karya terjemahannya yang terkenal seperti Hikayat Panca Tanderan (1835), buku untuk pelajar-pelajar sekolah rendah (1815), beliau juga menterjemah kitab Injil dan risalah-risalah Kristian. Beliau telah meninggal dunia tahun 1854.

Awal tahun 1920-an buku dari bahasa Arab ke bahasa Melayu seperti Hikayat 1001 malam telah diterjemahkan oleh Hj. Abdullah B. Abu Bakar, namun penterjemahannya tidak menyeluruh, hanya hingga malam ke enam belas sahaja. Selepas itu diterjemahkan keseluruhannya oleh Onn Jaafar dari versi bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dan disiarkan dalam majalah Mingguan Lembaga Melayu secara bersiri pada setiap minggu.

Usaha menterjemahkan buku ilmu pengetahuan daripada bahasa Inggeris secara teratur hanya bermula setelah penubuhan Pejabat Karang-Mengarang di Maktab Sultan Idris Tanjung Malim pada tahun 1924 dengan tujuan menulis, menterjemah dan mengarang buku-buku pelajaran, membuat terjemahan bagi jabatan kerajaan. Tanggungjawab lain ialah bagi melatih para penterjemah. Ia diketuai oleh Pendita Za'aba. Namun setakat yang diketahui, tidak ada karya besar yang diusahakan selain padanan prosa drama Shakespeare oleh Pendita Za'aba, di samping buku-buku "adventure" seperti Lions of Uganda, Carol Island,

Treasure Island, Robin Hood dan beberapa buah buku cerita Sherlock Holmes.

Dikatakan bahawa sepanjang tahun 1940 an, termasuk zaman pemerintahan Jepun, tidak ada usaha terjemahan yang bermakna. Pada tahun 1960 an, baru ada daya usaha Oxford University Press menterjemahkan siri Sastera Timur dan Barat, dikelolakan oleh sdr. Asraf Hj. Wahab. Pemilihan judul buku dalam siri ini sungguh baik, merangkumi novel-novel yang terkenal oleh pengarang-pengarang Eropah dan Asia.

Semenjak Malaysia merdeka, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah memainkan peranan yang penting untuk menyelenggarakan terjemahan buku-buku teks untuk sekolah menengah dan juga universiti.

Pada tahun 1975, Pusat Bahasa Universiti Malaya yang merupakan institusi pengajian tinggi yang terulung mengelolakan kursus-kursus untuk melatih penterjemah dan ahli interpretasi persidangan. Kursus diploma yang memakan masa selama dua tahun itu bukan hanya terbatas matlamatnya kepada pendidikan terjemahan dan ahli interpretasi semata-mata, tetapi dikaitkan dengan perkembangan yang berlaku dalam dasar pelajaran yang memerlukan Bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris pada semua peringkat pengajian dalam semua bidang ilmu pengetahuan.

Selain itu, memandangkan bahawa Malaysia semakin aktif di arena antarabangsa, bukan sahaja dalam mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar, tetapi dalam mengambil bahagian dalam mengelolakan persidangan antarabangsa samada anjuran pihak kerajaan atau pihak badan berkanun, pihak Pusat Bahasa biasanya menjadi badan rujukan, khususnya dalam mengadakan penterjemah atau ahli interpretasi persidangan.

Di samping itu, projek Terjemahan Berkomputer di Universiti Sains Malaysia (USM) bermula secara tidak sengaja dengan satu Latihan Ilmiah Sarjana dalam bidang Penghuraian Bahasa Asli melalui komputer oleh seorang penuntut sains komputer pada tahun 1976 apabila USM menghubungi GETA (Groupe d'Etudes pour la Traduction Automatique) di Universiti Grenoble, Perancis untuk mendapatkan seorang pemeriksa luar. Selepas itu, terjalin kerjasama yang dimulai pemasangan perisian terjemahan dari GETA.

Dalam tahun 1980 satu bengkel terjemahan berkomputer telah diadakan di USM untuk pegawai tinggi kerajaan, pensyarah dari universiti tempatan dan negara jiran. Di situ, satu model contoh terjemahan berkomputer bahasa Inggeris-bahasa Malaysia telah ditunjukkan dan ia telah menarik minat pihak-pihak yang berkenaan.

Seterusnya pada tahun 1982 daripada sebuah projek individu, ia telah

dinaikkan ke taraf projek USM dan telah diberi peruntukan khas oleh Kementerian Pendidikan. Beberapa orang tenaga pensyarah universiti telah mengembelingkan secara sambilan untuk mendapat satu model terjemahan yang boleh digunakan. Satu unit terjemahan berkomputer yang tetap telah ditubuhkan di USM pada awal tahun 1984. Unit ini dianggotai oleh lapan orang penyelidik penuh masa yang terdiri daripada individu-individu dari berbagai latar belakang sains komputer, linguistik, sains sosial, sains tulin, komunikasi massa dan juga perancangan bandar.

Oleh kerana pada peringkat ini lebih banyak tenaga manusia dan kemahiran diperlukan untuk menjayakan projek ini ke peringkat nasional, USM telah meminta kerjasama dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Sejak tahun 1989, USM menawarkan khusus sarjana muda dalam bidang terjemahan dan interpretasi. Ini merupakan satu perkembangan besar kerana sebelumnya Universiti Malaya menawarkan kursus tahap diploma sahaja. Akhir-akhir ini, Malaysia menunjukkan minat dengan menubuhkan Institusi Terjemahan Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan terjemahan kepada semua jabatan kerajaan dan swasta, serta menawarkan kursus bahasa asing dengan bantuan Universiti Malaya sebagai tenaga pengajar

2.4. TEORI-TEORI PENTERJEMAHAN.

2.4.1. Kriteria-Kriteria Seseorang Penterjemah

Konsep penterjemahan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu konsep lama dan konsep baru. Konsep lama penterjemahan menghendaki penterjemah memberikan perhatian kepada bentuk pengekalan unsur-unsur stilistik seperti rima, rentak, permainan kata, struktur tatabahasa yang luar biasa dan lain-lain lagi supaya menyerupai teks asli. Mengikut konsep baru pula yang dipentingkan ialah respons pembaca terjemahan itu, iaitu serupa dengan reaksi pembaca teks aslinya. Prinsip-prinsip penterjemahan telah bertambah bebas dengan pengertian bahawa pemahaman dan emosi daripada pembaca itu adalah lebih dipentingkan.

Justeru itu untuk menghasilkan karya terjemahan yang bermutu serta dapat memenuhi cita rasa pembacanya, seseorang penterjemah itu terpaksa terlebih dahulu meneliti sesebuah teks yang hendak diterjemahkan itu dan kemudian melahirkannya semula di dalam bahasa sasaran. Untuk berbuat demikian , seseorang penterjemah itu terpaksa bergantung sepenuhnya ke atas keupayaan mentalnya, pengetahuan linguistik dan pengetahuan dunianya kerana tiada hubungan di antara penterjemah dengan penulis teks asli itu.

Nida (1964) telah menyenaraikan lima syarat dasar untuk menjadi seseorang penterjemah. Seseorang penterjemah itu mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai bahasa sumber, pengetahuan yang sama dalam bahasa sasaran, mengetahui dengan mendalam perkara yang hendak diterjemahkan, mengetahui maksud penulis teks asli dan mempunyai keupayaan untuk membuat dan memahami berbagai-bagai ungkapan dalam sesuatu bahasa itu. Walau bagaimanapun di samping faktor di atas, seseorang bakal penterjemah itu mestilah juga mempunyai kesungguhan dalam membuat kerja-kerja terjemahan dan menguasai teori dan proses penterjemah . Syarat untuk menjadi penterjemah dapat disenaraikan seperti berikut;

1. Menguasai bahasa sumber.
2. Menguasai bahasa sasaran.
3. Menguasai perkara yang hendak diterjemahkan.
4. Menguasai pengetahuan tentang dunia.
5. Mempunyai sifat kesungguhan.
6. Menguasai teori dan proses penterjemahan.

1. **Menguasai Bahasa Sumber.**

Penterjemah haruslah memiliki pengetahuan bahasa yang lengkap. Maksudnya seseorang penterjemah itu bukan setakat mengetahui perbendaharaan

kata dan nahunya sahaja, tetapi haruslah fasih dalam bahasa, mempunyai perbendaharaan kata yang banyak , memahami kelainan-kelainan di antara kedua-dua struktur linguistik bahasa-bahasa yang berkenaan sepenuhnya. Di samping itu mesti mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dan kemas kini tentang bahasa sumber dan mengetahui selok-belok penggunaan dan keistimewaan yang terdapat dalam bahasa itu. Kalau tidak, mungkin menyebabkan berlaku kesilapan dalam menterjemah unsur tatabahasa. Contohnya seperti berikut ;

" ..... graying beard and contagious smile..... "

i. ..... berjanggut putih dan mempunyai senyuman menarik.

ii. ..... janggut yang mula memutih dan senyuman yang menarik.

Dalam contoh di atas, penterjemah tidak memahami erti perkataan "graying" yang telah disalah terjemahkannya kepada putih. Yang sebenarnya "graying" dalam kontek ini ialah proses menjadi putih. Jadi lebih tepat jika "graying beard" di terjemahkan kepada "janggut yang mula memutih".

2. **Menguasai Bahasa Sasaran.**

Walaupun seseorang perlu menguasai bahasa sumber dengan baik, adalah lebih utama supaya dia mengetahui bahasa penerima dengan lebih baik lagi. Apabila telah memahami teks sumber dan ingin menterjemah ke dalam bahasa sasaran, berkemungkinan penterjemah akan menghadapi masalah dalam

pemilihan perkataan yang sesuai. Mungkin akhirnya akan terpilih perkataan yang kurang sesuai, manakala dari segi pemahaman pembaca pula, mereka pasti kurang mendapat maklumat dari pembaca teks asal. Contohnya dalam penggunaan perkataan umum (superordinate) seperti perkataan "hutan".



Kemungkian apa yang hendak dimaksudkan oleh penulis ialah "semak" tetapi apabila penterjemah menyampaikannya di dalam bahasa sasaran, dia memilih perkataan yang umum "hutan", hal ini terjadi disebabkan oleh kurangnya pengetahuan penterjemahan dalam leksikon bahasa sasaran.

3. **Mengetahui Perkara Yang Hendak Diterjemahkan**

Di samping kecekapan dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran, seseorang penterjemah mestilah mengetahui bidang yang hendak diterjemahkannya. Hanya dengan memahami sesuatu bidang dengan mendalam dapatlah sesuatu informasi itu dipindahkan dengan tepat dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain. Seseorang penterjemah itu mestilah seorang yang pakar dalam bidang yang hendak diterjemahkan itu, ataupun sekurang-kurang biasa dan memahami laras

bahasa bidang tersebut. Misalnya untuk menterjemahkan satu teks perubatan, penterjemah itu mestilah ahli dalam bidang perubatan, untuk teks sastera, beliau mesti pula ahli sastera dan seterusnya. Dalam penterjemahan satu teks undang-undang jika penterjemah tidak pakar dalam bidang ini akan tersalah tafsir, misalnya istilah "conversion" yang mempunyai dua makna yang berbeza. Makna pertama membawa konotasi negatif iaitu satu kesalahan "tort" menggunakan barang orang lain sebagai kepunyaan sendiri. Ia juga memberi erti penukaran syarat status, misalnya daripada pertanian kepada pembangunan. Dalam undang-undang ekuiti pula bermakna menukarkan harta, misalnya daripada harta tanah kepada wang atau sebaliknya. Manakala dalam bidang sains pula, seseorang penterjemah akan menghadapi masalah dalam menterjemahkan istilah seperti force, energy dan power melainkan dia mengetahui dalam bidang yang berkaitan.

4. **Menguasai Pengetahuan Tentang Dunia**

Maksudnya ialah mengetahui dunia luar daripada dunianya sendiri. Dalam konteks ini ialah mengetahui kebudayaan penutur bahasa sumber. Unsur kebudayaan bukanlah suatu perkara yang diada-adakan dalam masalah terjemahan istilah sains dan teknologi. Perkara yang dimaksudkan sebagai unsur budaya termasuklah keadaan alam setempat, agama, nilai kepercayaan, politik, sosial di samping geografi dan sejarah. Seseorang itu tidak mungkin mengetahui

dan memahami bahasa kedua melainkan ia boleh menjadi seorang yang dwi budaya. Kebolehan untuk mengesan persamaan dan perbezaan di antara dua kebudayaan merupakan suatu yang bermanfaat di dalam kerja penterjemahan. Konteks merupakan sesuatu yang penting untuk menterjemahkan perkataan dan frasa, tetapi penterjemah itu sendiri merupakan sebahagian daripada satu konteks yang lebih luas. Kebudayaan itu merupakan punca di mana satu-satu bahasa itu mendapat nyawa dan zatnya. Sebagai contoh, khususnya dalam bidang perubatan, terdapat banyak istilah tentang rupa, warna dan sifat bermacam-macam jenis penyakit disebut dalam bahasa Inggeris dengan cara mengkiaskannya dengan benda-benda makanan mereka, kerana bagi mereka tidak menimbulkan pengertian jijik. Contoh istilah-istilah yang penciptaannya dipengaruhi oleh unsur-unsur alam dan budaya setempat dalam bahasa Inggeris ialah "Adam's apple" yang bermakna "halkum". Dalam bidang warna, terdapat istilah-istilah apple green, apricot, Berlin blue, rosewood, Negro black, plum purple dan bermacam-macam lagi yang semuanya dipengaruhi oleh faktor alam sekeliling bahasa Inggeris.

Jadi, jika penterjemah tidak memerhatikan hal ini sewajarnya, terjemahannya mungkin tidak sesuai dan timbul tersalah faham oleh pembaca. Sebagai contohnya istilah "young wife", dalam bahasa Melayu terdapat istilah isteri muda. Sebenarnya di antara dua istilah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu itu mempunyai kelainan pada latar belakang budaya. Budaya Inggeris hanya mengamalkan sistem monogami, manakala budaya Melayu membenarkan

poligami, iaitu isteri muda membawa makna "status seseorang isteri". Oleh itu bagi mengekalkan konsep young wife , lebih baik istilah ini diterjemahkan kepada isteri yang masih muda. Walaupun istilah ini berbentuk frasa, tetapi maknanya tepat.

5. **Mempunyai Sifat Kesungguhan.**

Untuk mendapat sesuatu hasil yang baik, sebagaimana dalam setiap pekerjaan, seseorang penterjemah itu mesti mempunyai sifat kesungguhan dan berhati-hati dalam membuat kerja terjemahan. Bagaimana pakar sekalipun seseorang itu dalam bidangnya, tanpa kesungguhan hasil yang didapati akan mengecewakan

Kesungguhan seseorang penterjemah dapat dibuktikan dengan melalui proses-proses berikut ;

i. Persediaan awal

(a) Bacaan pertama secara sepintas lalu untuk menganggap tema buku dan merasakan gaya bahasa pengarang..

(b) Menyediakan bahan-bahan rujukan termasuk buku istilah, kamus dan ensiklopedia khas.

(c) Bacaan kedua secara teliti dan terperinci untuk menghayati isi dan bahasa buku itu serta menaksirkan sejauh mana mudah dan sukarnya setiap bahagian.

ii. Penterjemahan benar.

(a) Menterjemah secara sistematik untuk mendapatkan draf pertama.

(b) Menyemak dan memeriksa semula draf pertama untuk mengesan kekurangan.

(c) Memperbaiki draf pertama untuk menghasilkan manuskrip.

iii. Penilaian dan penyuntingan.

(a) Manuskrip dinilai mutunya oleh seorang penilai yang berkelayakan.

(b) Komen dan cadangan penilai dipertimbangkan oleh penterjemah.

(c) Penterjemah menulis manuskrip semula dengan membaikinya.

6. **Menguasai Teori dan Proses Penterjemahan.**

Para penterjemah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dalam bidang ini, terlebih dahulu sebelum memulakan tugas penterjemahan ; kerana bidang penterjemahan telah melahirkan teori-teori dan kaedah ilmiahnya sendiri. Pada masa dahulu penterjemahan dianggap sebagai satu tugas untuk mencari perkataan-perkataan yang boleh menggantikan perkataan asal dalam bahasa sumbernya. Anggapan ini adalah meleset sama sekali. Umpamanya, untuk menterjemah hasil sastera, seseorang penterjemah itu bukan setakat mencari perkataan-perkataan padanan, tetapi bertanggungjawab memindahkan idea, maklumat dan gaya teks yang diterjemahkan. Ini bererti penterjemah perlu

dibantu oleh ilmu pengetahuan yang secukupnya dalam bidang teori dan kaedah terjemahan semasa menjalankan tugas yang sukar itu.

2.4.2. **Perkembangan Teori-Teori Penterjemahan.**

Di Eropah, setelah adanya bahan percetakan banyak bahan-bahan bacaan dihasilkan, orang ramai mula mengenali huruf. Hasilnya, tersebar ilmu pengetahuan dan bidang terjemahan.

Sebenarnya perkembangan terjemahan dipengaruhi oleh perkembangan kesusasteraan. Jenis penulisan telah bertambah hingga menimbulkan berbagai-bagai isu dan perbincangan mengenai prinsip dan teori-teori penterjemahan. Isu ini diperlihatkan dalam terjemahan yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh yang mula-mula mengemukakan teori terjemahan seperti Cicero dan Etienne Dolet.

Etienne Dolet (1509-1546) misalnya telah menerbitkan lima prinsip pada tahun 1540. Prinsip-prinsip itu ialah;

(a) Penterjemah haruslah betul-betul memahami maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh pengarang teks.

(b) Penterjemah haruslah mempunyai pengetahuan yang sebaik-baiknya tentang bahasa teks. Begitu juga tentang bahasa yang hendak dijadikan bahasa teks terjemahan.

(c) Penterjemah hendaklah mengelakkan diri daripada menterjemah secara literal, kerana ini boleh memusnahkan keindahan sesuatu ungkapan dalam teks asal itu.

(d) Penterjemah haruslah menggunakan bentuk-bentuk ujaran yang lazim digunakan oleh masyarakat.

(e) Penterjemah haruslah memilih dan menyusun kata-kata menurut bahasa yang lazim digunakan ; penterjemah hendaklah menghasilkan sesuatu kesan menyeluruh yang sepadan dengan yang dihasilkan oleh teks asal.

Sebenarnya, teori penterjemahan moden yang diajarkan kepada bakal-bakal penterjemah di pusat-pusat pengajian tinggi sekarang ini pun adalah berasaskan Teori Etienne Dolet ini. Tetapi masyarakat pada zamannya tidak dapat menerima terjemahan ala Dolet yang dikatakan berlandas pada prinsip *"Translation are like women, homely when they are faithful, and unfaithful when they are lovely"*, iaitu terjemahan tak ubah seperti perempuan , tidak cantik jika setia dan tidak setia jika cantik. Ini salah satu dari beberapa banyak celaan yang dilemparkan oleh para pengarang Eropah kepada penterjemah pada zaman tersebut.

Seperkara yang sangat menarik tentang Dolet ialah beliau mengemukakan pentingnya penterjemah mengetahui semangat dan tujuan pengarang asal. Beliau juga tidak membezakan darjah penguasaan penterjemah dalam bahasa sumber dan

bahasa penerima. Oleh itu secara teoritis penterjemah dikehendaki menguasai kedua-dua bahasa tersebut dengan sempurna. Satu lagi perkara penting yang dikemukakan oleh Dolet ialah tekanan pada penggunaan dialek Vernakular supaya penterjemah menjauhkan diri daripada melakukan literisme. Prinsip ini sangat sesuai untuk melakukan segala jenis terjemahan bagi bacaan pembaca am. Akhirnya, saranan beliau mengenai unsur stilistik adalah penting untuk kerja-kerja terjemahan yang serius tanpa mengira jenis media dan isi teks.

Pada kurun ke 17 dan 18 M timbul aliran terjemahan sastera yang radikal di Eropah. Terjemahan dilakukan tanpa sebarang konkongan asalkan terjemahan itu dirasakan dapat mengekalkan semangat karya asal. Tokoh yang berpengaruh mengemukakan aliran itu ialah Abraham Cowley (1656). Di dalam beberapa terjemahannya, beliau telah membuang dan menambah mengikut perkiraannya sendiri.

Pendapat Cowley telah ditentang oleh Dryden (1680) yang menamakan terjemahan Cowley sebagai "tiruan". Mengikut Dryden, pada dasarnya ada tiga jenis terjemahan.

1. Metafrasa, iaitu penterjemahan perkataan demi perkataan dan baris demi baris.
2. Parafrasa, iaitu terjemahan yang mengikuti karya asal dengan rapat,

tetapi yang diikuti ialah maknanya, bukan perkataan.

3. Tiruan, di mana penterjemah mengambil sikap bebas, bukan setakat mengubah perkataan dan makna, tetapi kedua-duanya sekali bila dirasakan hal itu perlu demi kepentingan semangat teks tersebut.

Pada tahun 1789, George Campbell telah menulis sebuah buku yang menerangkan sejarah dan teori terjemahan. Ia telah menerangkan secara terperinci kaedah-kaedah yang diikutinya. Secara ringkas beliau menurunkan tiga prinsip terjemahan yang baik ;

1. Mengekalkan makna yang terkandung dalam teks sumber.
2. Dengan menggunakan keistimewaan-keistimewaan bahasa penerima, penterjemah mesti mengekalkan semangat dan sifat-sifat teks sumber.
3. Mempastikan supaya sekurang-kurangnya terjemahan itu tulen serta mudah dan bersahaja perubahannya.

Pada tahun 1790, Alexander Fraser Tytler telah menerbitkan bukunya *The Principle of Translation.* Beliau juga telah mengemukakan tiga prinsip terjemahan;

1. Sesuatu terjemahan itu hendaklah mengekalkan semua makna yang terkandung dalam teks sumber.
2. Stail dan gaya karangan terjemahan itu mestilah sama sifatnya dengan stail dan gaya teks sumber.

3. Kesan sesuatu terjemahan itu mestilah dapat dirasakan seperti karangan tulen saja.

Beberapa teknik yang dikemukakan oleh Tytler bersifat sangat moden dan dapat dipertanggungjawabkan pemakaiannya. Menurut beliau, tambahan boleh dibuat sekiranya hal itu mempunyai hubungan yang penting dengan makna asal ataupun dapat menjelaskan lagi hal tersebut. Pengurangan perkataan juga perlu dilakukan jika perkataan-perkataan itu tidak berfungsi dan hal ini tidak mengurangkan atau mencacatkan makna asal. Mengenai kekaburan pada teks asal, beliau menyatakan, penterjemah mesti membuat keputusan sendiri dan memilih makna yang paling sesuai dengan konteks terdekat, atau jalan pemikiran penulisnya. Menurut beliau, mengekalkan kekaburan atau keragaman makna teks asal adalah suatu kesalahan pada pihak penterjemah dan kesalahan yang lebih besar lagi ialah memberi lebih daripada satu makna. Tytler mengkritik Dryden kerana menjadikan soal kesetiaan sebagai perkara kedua dan menyamakan terjemahan dengan parafrasa. Dryden ialah tokoh yang membuka zaman terjemahan yang terlalu bebas manakala Tytler ialah tokoh yang mengakhiri zaman tersebut.

Pada abad ke 20 tokoh yang paling berpengaruh dalam bidang terjemahan ialah Eugene A. Nida dan beliau telah mengemukakan konsep "terjemahan dinamis". Mengikut definisi yang dikemukakannya, "penterjemahan ialah

penyalinan semula maklumat ke dalam bahasa penerima daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan yang terdekat dan sejadi; pertama daripada segi makna dan kedua daripada segi stailnya". Definisi ini mengutarakan enam aspek penting dalam teori terjemahan. Aspek-aspek itu ialah (1) penyalinan semula maklumat, (2) persamaan, bukan keserupaan, (3) persamaan yang sejadi, (4) persamaan terdekat, (5) keutamaan makna dan (6) kepentingan gaya.

Tugas utama penterjemah ialah menyalin semula maklumat yang terkandung dalam teks sumber ke dalam bahasa penerima. Justeru itu, dalam proses ini banyak penyesuaian tatabahasa dan perkataan mesti dilakukan. Umpamanya arahan "keep clear" yang ditulis di atas kawasan letak kereta tidak sepatutnya diterjemahkan sebagai simpan kosong melainkan memadai dengan kosongkan.

Di dalam menjalankan tugasnya, penterjemah juga dikehendaki mencari bentuk-bentuk yang sama, bukan yang serupa. Dalam perkataan lain tugasnya adalah untuk menyalin semula maklumat, bukan bentuk bagaimana maklumat itu diungkapkan. Sebagai contoh, ungkapan "empat kepala kambing" dalam bahasa Arab hendaklah terjemahkannya menjadi "empat ekor kambing" dalam bahasa Melayu, dengan itu barulah kedua-dua ungkapan itu menjadi seerti.

Penterjemah hendaklah membuat terjemahan yang menggunakan ciri-ciri asli bahasa penerima dan tidak boleh memaksa bahasa penerima mengambil bentuk-

bentuk tatabahasa atau ungkapan bahasa sumber yang asing baginya. Ia akan melahirkan terjemahan yang tidak berbau terjemahan apabila dibaca, malah terasa seolah-olah ia telah ditulis terus ke dalam bahasa penerima.

Selain itu E.Nida (1964) mencadangkan bahawa seseorang penterjemah haruslah seseorang yang bilingual ,

> *"Seunggul-unggulnya, seseorang penterjemah mestilah bersifat bilingual, baik dalam bahasa sumber mahupun dalam bahasa penerima dan dia sepatutnya mestilah menterjemahkan sesuatu ke dalam bahasa ibunya"*

Di zaman Nida, terjemahan dihubungkaitkan dengan bidang linguistik iaitu sebagai multi disiplin, kerana bidang ini berkaitan dengan beberapa disiplin lain seperti sosio-linguistik, psikolinguistik, teori komunikasi moden, laras, pandangan dunia, linguistik komputer, terjemahan mesin dan lain-lain lagi.

Seorang ahli linguistik barat berpendapat, penterjemahan adalah satu kegiatan memindahkan teks ke dalam bahasa yang lain dengan mengekalkan maksudnya sedaya mungkin. Biasanya sedikit sebanyak kesan sesuatu teks asal itu akan hilang. Kehilangan atau kelenyapan kesan itu banyak berlaku dalam terjemahan yang berkaitan dengan pengalaman subjektif atau yang artistik, sebaliknya kesan kehilangan berkurangan dalam terjemahan yang berkaitan dengan teks-teks teknikal atau merupakan pengalaman-pengalaman objektif.

Manakala Ian. F. Finlay (1971) dalam bukunya *Translating* berpendapat, penterjemahan merupakan persembahan sesuatu teks dalam bahasa lain daripada bahasa asal teks itu. Sesuatu hasil terjemahan mestilah menggambarkan maksud karya asal sepenuhnya. Beliau menegaskan bahawa sekiranya maksud karya terjemahan itu ditokok tambah atau dikurangkan, karya itu tidak berhak disifatkan sebagai terjemahan lagi. Terjemahan yang baik menyebabkan pembacanya tidak menyedari dia sedang membaca sebuah karya terjemahan.

Dalam membincangkan teori-teori penterjemahan ini, adalah baik disenaraikan prinsip-prinsip terjemahan mengikut pasangan yang bertentang sebagaimana yang dibincangkan oleh Savory (1957) dalam bukunya *The Art of Translation.* Prinsip-prinsipnya adalah seprti berikut ;

i. (a) Sesuatu terjemahan itu mesti mementingkan bahasa teks asal.

(b) Sesuatu terjemahan itu mestilah menyampaikan maksud teks asal.

ii. (a) Sesuatu terjemahan itu mestilah berasaskan teks asal.

(b) Sesuatu terjemahan itu apabila dibaca mestilah berbau teks terjemahan.

iii. (a) Sesuatu terjemahan itu mestilah mencerminkan gaya penulisan teks asal.

(b) Sesuatu terjemahan itu mestilah betul-betul mempunyai gaya penulisan teks asal.

iv. (a) Sesuatu teks terjemahan itu mestilah seperti teks asal, apabila

dibaca.

(b) Sesuatu terjemahan harus dipandang sebagai hasil seorang penterjemah yang menyampaikan maksud teks asal.

v. (a) Terjemahan itu boleh mengandungi sebarang tambahan kepada fakta- fakta dalam teks asal.

(b) Sesuatu terjemahan itu tidak boleh mengandungi apa-apa tambahan kepada sesuatu isi dalam teks asal.

vi. (a) Terjemahan yang berbau puisi harus diperbaiki.

(b) Terjemahan sesuatu puisi mestilah dalam bentuk puisi.

Walaupun terdapat percanggahan di antara kenyataan-kenyataan di atas, namun begitu pada waktu dan tempat-tempat yang tertentu, perlu ada penyimpangan dalam terjemahan, mungkin kerana keadaan mengizinkannya. Misalnya dalam sesebuah buku teks sekolah yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris, terdapat ayat "gosokkan lemak babi pada kuali tersebut" maka teks terjemahan haruslah ditukar kepada bahan lain, seperti lemak lembu atau lemak sayuran misalnya, kerana lemak babi haram digunakan oleh orang-orang Islam.

Dalam konteks ini, Profesor Asmah Haji Omar ada menyatakan ;

> *Dalam sesebuah terjemahan, seorang penterjemah berhak menambah atau mengurangi sesuatu, asalkan tindakannya itu tidak merosakkan maksud pengarangnya. Tegasnya, sesuatu*

tambahan itu boleh dilakukan untuk menerangkan sesuatu yang dalam karya asli kurang jelas, dan pengurangan boleh terjadi jika sesuatu keterangan dalam karya asli diulang-ulang dalam jarak yang sangat dekat,sehingga terjemahannya kelihatan aneh dan berlebih-lebihan.

Berdasarkan teori-teori penterjemahan yang diperdebatkan oleh tokoh-tokoh di atas, dapatlah disimpulkan bahawa teori terjemahan mahupun amalan terjemahan masih belum dapat mencari suatu prinsip yang objektif serta yang dapat diaplikasikan kepada semua teks. Hal ini diakui sendiri oleh Savory, "pada hakikatnya dapat dikatakan hampir semua prinsip terjemahan tidak diterima secara sejagat". Hal ini demikian, dapat diperhatikan penekanan seseorang tokoh dalam kerja-kerja penterjemahan itu. Sebahagian penulis menegaskan pentingnya pengekalan isi, semangat, nada, bentuk bahasa, aliran kata, gaya penulisan atau ciri-ciri tertentu yang terdapat dalam penulisan asal. Namun sesetengahnya pula mengatakan bahawa perbezaan dalam bahasa dan kebudayaan manusia menyebabkan usaha pengekalan merupakan suatu perkara yang sukar dipatuhi. Ada juga pendapat yang mementingkan bahasa sumber ataupun bahasa sasaran, kebudayaan bahasa sumber dan bahasa sasaran. Tidak kurang juga wujudnya persoalan-persoalan tentang kebebasan penterjemahan, iaitu tidak terikat kepada bahasa teks sumber.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara asas tentang terjemahan yang umumnya telah disepakati oleh pakar terjemahan iaitu;

i. Tidak ada terjemahan yang menyamai teks asal sepenuhnya, khasnya teks

sastera.

ii. Tujuan terjemahan bukanlah untuk mencapai persamaan sepenuh, tetapi mencapai persamaan seberapa yang dapat.

iii. Terjemahan bukan kerja mekanikal yang memindahkan perkataan daripada satu bahasa kepada bahasa lain, tetapi kerja seni yang memerlukan keahlian mengarang dalam bahasa itu.

iv. Terjemahan mestilah setia kepada teks asal dari segi makna dan bentuk sedaya mungkin.

v. Terjemahan hendaklah dilakukan secara idiomatik dan tidak hurufiah, kerana tiap-tiap bahasa mempunyai ciri-ciri dan idiomnya sendiri.

vi. Semua teks dapat dibahagikan kepada dua kategori besar, iaitu teks sastera dan teks teknikal atau saintifik. Lebih sukar menterjemahkan teks sastera daripada teks teknikal, kerana teks sastera banyak melibatkan unsur subjektif